

PELAKSANAAN PENGAJARAN APRESIASI SENI
GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH
GOMBAK, SELANGOR

NORSALAWATI BINTI WAHID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

PELAKSANAAN PENGAJARAN APRESIASI SENI GURU PENDIDIKAN SENI
VISUAL SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR

NORSALAWATI BINTI WAHID

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) Ogos (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NORSALAWATI BINTI WAHID, P20142001587, FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PELAKSANAAN PENGAJARAN APRESIASI SENI GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **PROFESOR DR. MD NASIR BIN IBRAHIM** mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PELAKSANAAN PENGAJARAN APRESIASI SENI GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah

13 Ogos 2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. DR. MD NASIR BIN IBRAHIM
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak


 UPSI/IPS-3/BO 31
 Pind.: 01 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
 TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PELAKSANAAN PENGAJARAN APRESIASI SENI GURU
 PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
 GOMBAK, SELANGOR**

No. Matrik/Matric's No.: **P20142001587**

Saya / I: **NORSALAWATI BINTI WAHID**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* indidimpan
 diUniversiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun)dengan syarat-syarat kegunaan
 seperti berikut: -

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the rights as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
the thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara
 Institusi Pengajian Tinggi.
the Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
the Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

☐
SULIT/CONFIDENTIAL
☐
TERHAD/RESTRICTED
☒
TIDAK TERHAD/OPEN

Mengandungi maklumat yang berdarjah
 keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti
 yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
*Contains confidential information under the
 Official Secret Act 1972*

Mengandungi maklumat terhad yang telah
 ditentukan oleh organisasi/badan yang mana
 penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted
 information as specified by the organization where
 research was done.*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

 Tarikh: 13 Ogos 2021

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. DR. MD NASIR BIN ISRAHIM
 Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali
 sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for
 confidentiality or restriction.*

DEDIKASI

Khas buat

Suami, Ayah dan Bonda yang disayangi

Yang tidak pernah jemu menitipkan

Doa dan kata-kata semangat buat anakmu ini

Tanpa kalian perjuanganku ini tak mungkin berjaya

Yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan

Yang tidak berbelah bagi

Buat rakan-rakan

Terima kasih atas sokongan kalian

Yang sentiasa memberikan buah fikiran dan idea yang bernas

Terima kasih untuk segala-galanya.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S. W. T dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia tesis iaitu Prof. Dr. Md. Nasir bin Ibrahim. Bimbingan dan curahan ilmu, teguran, tunjuk ajar dan nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini dijalankan amat saya hargai.

Tidak dilupakan buat pensyarah-pensyarah dan ahli panel yang banyak memberi didikan dan tunjuk ajar iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zahuri bin Khairani, Dr. Harleny binti Abd Arif, dan Dr. Che Aleha binti Laden. Kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pengajian amat saya hargai.

Setinggi-tinggi penghargaan istimewa buat suami tercinta, Farizal Shahnez bin Zakaria. Terima kasih atas pengorbanan, kesabaran, dorongan dan doamu serta pembiayaan sepanjang pengajian. Semoga Allah membalasnya.

Kepada bonda Sepiah binti Zahari, terima kasih atas curahan kasih sayang dan memahami kesibukan anakandamu ini. Teristimewa juga khas buat arwah ayahanda tercinta, Wahid bin Mamat, dan bonda mertua, Hasnah binti Abdullah yang sentiasa diingati, dengan iringan doa semoga roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah swt.



Terima kasih yang tidak terhingga juga buat kaum keluarga dan sahabat seperjuangan, Pn. Suraya Bahrum yang sentiasa memberi semangat serta mendoakan kejayaan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan pensyarah Dr. Faridah binti Darus dan anak didik saya, Aina dan Najwa atas sokongan kalian.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pengajaran apresiasi seni dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah menengah. Penerokaan meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan kesedaran guru PSV dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai lima orang guru PSV sekolah menengah dari daerah Gombak, Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua partisipan ini terdiri daripada guru opsyen PSV dan mempunyai pengalaman mengajar melebihi tiga tahun. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen, temu bual, dan juga pemerhatian. Analisis data dilakukan dengan menggunakan analisis kandungan berdasarkan Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni. Rubrik ini menjadi alat untuk menilai penguasaan apresiasi seni kesemua partisipan. Data dianalisis dengan meneliti tema, subtema dan soalan kajian. Hasil kajian menunjukkan guru PSV di sekolah menengah mencapai beberapa tahap penguasaan apresiasi seni yang meliputi *menguasai dengan baik*, *kurang menguasai* dan *tidak menguasai* apresiasi seni. Selain itu kajian ini dapat melihat pengajaran apresiasi seni yang tidak konsisten antara partisipan kajian disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekurangan berpengetahuan tentang apresiasi seni, kesuntukan masa untuk menghabiskan organisasi kandungan pengajaran dan lebih berfokus kepada penghasilan karya. Guru PSV sekolah menengah menggunakan pelbagai kaedah seperti memberi penerangan, tunjuk contoh, menyoal, bercerita, perbincangan dan pembentangan sebagai pendekatan pengajaran dalam menyampaikan ilmu apresiasi kepada pelajar mereka. Walau bagaimanapun, kualiti pengajaran apresiasi seni dalam kalangan guru PSV masih boleh dipertingkatkan demi memberikan keberkesanan yang maksimum dalam pengajaran mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa tahap kesedaran tentang kepentingan pengajaran apresiasi seni dalam kalangan partisipan masih lemah. Diharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi pelaksana mengambil perhatian dengan mendedahkan kepentingan apresiasi seni kepada guru-guru melalui penyediaan pelbagai bentuk latihan dari semasa ke semasa.

Kata kunci: Apresiasi Seni, Pendidikan Seni Visual, Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni

ABSTRACT

This study aims to explore the implementation of art appreciation teaching among Visual Arts Education (VAE) teachers in secondary schools. The exploration includes the knowledge, skills, implementation, and awareness of VAE teachers in implementing art appreciation in their teaching and learning. This qualitative study adopted a case study approach. Five secondary school's VAE teachers in the district of Gombak, Selangor were involved in this study. All the participants are VAE optionists with more than three years of teaching experience. The methods used to collect data were document analysis, interviews, and observations. The data gathered were analysed using content analysis based on Art Appreciation Mastery Rubrics. This rubric was chosen as a tool to evaluate the mastery level of art appreciation among all participants. The data were analysed based on themes, sub-themes, and research questions. The results showed that the secondary school's VAE teachers attained various mastery levels of art appreciation which include *well-mastered*, *poorly mastered*, and *did not master*. In addition, this study indicated that there was an inconsistency in the teaching of art appreciation among the participants due to factors such as lack of knowledge about art appreciation, lack of time to complete the syllabus and more attention was given to the production of art works. In the teaching and learning of art appreciation, the participants used multiple approaches including giving explanations, examples, questioning, story telling, discussion and presentation to impart appreciation knowledge to their students. However, the quality of art appreciation teaching among VAE teachers can still be improved to maximise its effectiveness in their teaching. This study also found that the level of awareness on the importance of art appreciation teaching among the participants was poor. Therefore, it is hoped that Malaysia's Ministry of Education and the executives would consider the importance of arts appreciation, thus prepare various types of training for the teachers from time to time.

Keywords: Art Appreciation, Visual Arts Education, Mastering Appreciation Rubrics

**SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.2.1 Isu Pelajar Tidak Mempunyai Pengetahuan Apresiasi Seni	12
1.2.2 Isu Guru Tidak Berpengetahuan Tentang Model dan Teori Apresiasi Seni	15
1.2.3 Isu Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Apresiasi Seni	17
1.3 Pernyataan Masalah	20
1.4 Rasional Kajian	24
1.5 Tujuan Kajian	26
1.6 Objektif Kajian	27
1.7 Persoalan Kajian	27



1.8	Kajian Awal	28
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	28
1.9.1	Kurikulum Pendidikan Seni Visual	30
1.9.2	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru PSV	34
1.9.3	Pendekatan Apresiasi Berdasarkan Teori Formalisme	36
1.9.4	Model Feldman (1970)	38
1.10	Skop Kajian	42
1.11	Kepentingan Kajian	43
1.11.1	Bahagian Perkembangan Kurikulum	43
1.11.2	Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, Sekolah	44
1.11.3	Guru Pendidikan Seni Visual	45
1.11.4	Pelajar	46
1.12	Kesimpulan	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Kajian Lepas Berkaitan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK)	48
2.2	Kajian Lepas Berkaitan PSV	52
2.3	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kritikan dan Apresiasi Seni	55
2.4	Apresiasi Dalam Konteks Seni Halus	64
2.5	Apresiasi Dalam Konteks Pendidikan Seni Visual	67
2.6	Perkaitan Apresiasi dan Sejarah Seni	70
2.7	Perkaitan Apresiasi dan Kritikan Seni	73
2.8	Teori dan Model Kritikan Seni	79
2.8.1	Model Kritikan Seni Feinstein	79
2.8.2	Model Kritikan Seni Terry Barrett	81

2.8.3	Model Kritikan Seni Anderson	83
2.8.4	Model Kritikan Seni Smith	85
2.9	Pengajaran Apresiasi Seni di Sekolah	87
2.10	Kepentingan menguasai Apresiasi Seni	92
2.11	Faktor Pelaksanaan Apresiasi Seni	95
2.12	Kesimpulan	100

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	101
3.2	Reka Bentuk Kajian	104
3.3	Pendekatan Kajian Kes	105
3.4	Pemilihan Lokasi Kajian	106
3.5	Pemilihan Partisipan Kajian	108
3.6	Profil Partisipan Kajian	111
3.6.1	Profil Partisipan Kes Satu	113
3.6.2	Profil Partisipan Kes Dua	113
3.6.3	Profil Partisipan Kes Tiga	114
3.6.4	Profil Partisipan Kes Empat	115
3.6.5	Profil Partisipan Kes Lima	116
3.7	Pengumpulan Data Kajian	116
3.7.1	Kaedah Temu bual	117
3.7.2	Kaedah Pemerhatian	125
3.7.3	Penulisan Apresiasi Karya	127
3.8	Justifikasi pemilihan karya 'Kelambu'	130
3.9	Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni	132
3.9.1	Sangat Menguasai Apresiasi Seni	134
3.9.2	Menguasai Apresiasi Seni Dengan Baik	136
3.9.3	Kurang Menguasai Apresiasi Seni	138

3.9.4	Tidak Menguasai Apresiasi Seni	140
3.9.5	Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni	142
3.9.6	Kesahan Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni	146
3.10	Matrik Pengumpulan Data	149
3.11	Prosedur Pelaksanaan Kajian	150
3.11.1	Persediaan Menjalankan Kajian	152
3.11.2	Pengumpulan Data Kajian	153
3.11.3	Peringkat selepas pengumpulan data kajian	155
3.11.4	Peringkat rumusan kajian	156
3.12	Analisis Data Kajian	156
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kajian	157
3.13.1	Kesahan Data Kajian	159
3.14	Kesimpulan	162

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	163
4.2	Apakah tahap penguasaan apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah menengah?	165
4.2.1	Sangat Menguasai Apresiasi Seni	167
4.2.2	Menguasai Apresiasi Seni Dengan Baik	172
4.2.3	Kurang Menguasai Apresiasi Seni	176
4.2.4	Tidak Menguasai Apresiasi Seni	186
4.3	Bagaimanakah pengajaran apresiasi seni yang dilaksanakan oleh guru PSV di sekolah menengah?	192
4.3.1	Kaedah Memberi Penerangan	193
4.3.2	Tunjuk Contoh	201
4.3.3	Kaedah Menyoal	208
4.3.4	Teknik Bercerita	212
4.3.5	Perbincangan	217



4.3.6	Pembentangan	220
4.4	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni di sekolah?	226
4.4.1	Guru Opsyen	227
4.4.2	Faktor Pelajar	230
4.4.3	Masa	234
4.4.4	Pengetahuan	239
4.4.5	Sikap	242
4.4.6	Kesedaran Guru	247
4.4.7	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	252
4.4.8	Kesimpulan	258

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	259
5.2	Kompetensi Guru PSV Berkaitan PPIK, Kemahiran Pedagogi Dan Ciri Peribadi Guru	260
5.3	Kekangan Dalam Pelaksanaan Pengajaran Apresiasi Seni	286
5.4	Kesimpulan	302
5.5	Rumusan	305
5.6	Implikasi Dapatan Kajian	311
5.6.1	Implikasi Terhadap Peningkatan Profesionalisme Keguruan	311
5.6.2	Implikasi Terhadap Pelajar	313
5.6.3	Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia	316
5.6.4	Implikasi Terhadap Disiplin Ilmu Pendidikan Seni Visual	317
5.6.5	Implikasi Terhadap Latihan Keguruan	317
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	319



5.8	Penutup	321
	RUJUKAN	323
	LAMPIRAN	349



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Jadual Perbandingan Model Kritikan Seni	87
3.1	Jadual Kriteria Partisipan Kajian	109
3.2	Jadual Profil Partisipan Kajian	112
3.3	Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni	142
3.4	Matriks Pengumpulan Data	149





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	30
1.2	Model Feldman	39
3.1	Karya ‘Kelambu’	132
3.2	Prosedur Pelaksanaan Kajian	151





SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPDP	Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BSV	Bahasa Seni Visual
DBAE	Discipline-Based Art Education
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	Educational Planning and Policy Research Division
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GCPSV	Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual
ICT	Information and Communications Technology
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Besepadu Sekolah Menengah
KPLI-SR	Kursus Perguruan Lepas Ijazah – Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LCD	<i>Liquid-Crystal Display</i>
MABBIM	Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia
MK	Maklumat Kursus





PA	Penulisan Apresiasi
PCK	<i>Pedagogical, Content, Knowledge</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PIK	Pengetahuan Isi Kandungan
PIK	Pengetahuan Isi Kandungan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PK	Pengetahuan Konteks
PP	Pemerhatian Pengajaran
PPA	Pengetahuan Pedagogi Am
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPIK	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPK	Pengetahuan Pedagogi Kandungan
PPK	Pengetahuan Pedagogi Khusus
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSV	Pendidikan Seni Visual
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SCAA	<i>Student Centered Art Appreciation</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TB	Temu Bual
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah-Sekolah, KPM
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah-Sekolah di Negeri Selangor
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Daerah Gombak
- D Surat Perlantikan Panel Pakar
- E Borang Pengesahan Pakar
- F Surat Kebenaran Peserta Kajian
- G Protokol Temu Bual
- H Gambar di Lapangan
- I Rubrik Penguasaan Apresiasi Seni



BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

Bab Satu kajian ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan

kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, memberikan definisi istilah dan kesimpulan untuk merumuskan tentang keseluruhan Bab Satu.

Pengkaji telah menyertakan perkara-perkara yang terkandung dalam keseluruhan Bab ini berdasarkan susunan yang berikut; pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, rasional kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kajian awal, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka konseptual kajian dan kesimpulan.



1.1 Pengenalan

Apresiasi seni merupakan proses intelektual yang mengiktiraf pelbagai bentuk, persepsi dan persembahan yang terkandung dalam karya seni. Penghayatan seni juga bertindak sebagai saluran pelbagai rupa yang mendedahkan pelajar kepada spektrum disiplin yang luas termasuk estetika, antropologi, sejarah, kajian budaya dan sosial, serta sains (Law, 2010).

Apresiasi diterjemahkan sebagai memahami dan menikmati seni (Busbea, 2006; McCarter & Gilbert, 1988). Terdapat pelbagai definisi apresiasi yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas, antaranya apresiasi ditakrifkan sebagai penikmatan, pengamatan, penghargaan, atau penilaian terhadap karya-karya yang ditampilkan.

Penilaian yang dimaksudkan bukan menilai dengan angka, tetapi suatu proses pencarian nilai-nilai seni, pemahaman isi, mencari maksud tersirat daripada karya seni, dan melakukan perbandingan terhadap karya seni sehingga memperoleh sebuah penilaian yang utuh dan komprehensif (Warsono, 2013).

Apresiasi merupakan tindak balas terhadap hasil seni, mentafsir dan memahami secara keseluruhan karya seni tersebut (Law, 2010; Church 2007; Munro, 1941). Church (2007), memberikan definisi apresiasi seni sebagai memahami dan menghayati karya seni.



Menurut Wolff dan Geahigan (1997), penghayatan seni adalah hasil daripada siasatan kritikal yang mana penghargaan adalah menilai sesuatu yang timbul daripada pengalaman langsung. Mereka menegaskan pelajar akan menghargai karya seni apabila telah melalui suatu pengalaman ketika menghasilkan kerja-kerja seni yang cukup bermakna.

Berdasarkan definisi yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas, dapat dirumuskan bahawa apresiasi seni merujuk kepada literasi visual untuk memahami, menghayati, menilai dan menghargai karya seni. Apresiasi seni dikaitkan dengan bidang kognitif, emosi dan juga sikap yang mana ia melibatkan aspek kritikal serta emosional terhadap karya seni.



pelajar di peringkat menengah rendah manakala ia adalah subjek pilihan kepada pelajar menengah atas. Subjek PSV adalah bertujuan membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya kesenian.

Menurut Subramaniam, Jaffri Hanafi, dan Abu Talib Putih (2016), pelajar yang mencapai kecekapan dalam seni seharusnya dapat memperlihatkan bukan sahaja penguasaan isi bagi setiap komponen, tetapi juga penyatuan kedua-dua komponen yang melibatkan aspek penghasilan karya dan juga aspek teori seni. Dengan kata lain, selain mahir dalam membuat seni, para pelajar juga mesti berpengetahuan dalam bercakap atau menulis mengenai seni. Sehubungan dengan itu, pengetahuan kritis pelajar perlu diterapkan dan disampaikan melalui topik yang melibatkan teori seperti sejarah seni, penghayatan seni, kritikan seni dan estetika.





Disamping itu, salah satu pendekatan umum untuk pembelajaran seni dalam meningkatkan pengetahuan kritikal pelajar adalah dengan mengajar mereka kritikan seni. Dalam pendekatan sedemikian, pelajar tidak hanya diajar untuk mempelajari langkah-langkah membuat kritikan yang sesuai tetapi juga untuk menerapkan strategi membuat kritikan yang tepat yang dapat mereka bawa terus ke dalam penghasilan karya (Subramaniam et al., 2016).

Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni memberi tumpuan kepada pengalaman seni dalam kehidupan harian dan dalam budaya kebangsaan (PPK, 2000, ms. 9). Sejarah dan Apresiasi seni diterapkan sebagai salah satu elemen dalam subjek PSV di sekolah, yang bertujuan untuk memupuk sifat menghargai hasil seni dan warisan dalam kalangan pelajar. Ia adalah satu perkara yang perlu dititik beratkan.



Menguasai Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni bukan sahaja berkepentingan kepada pelajar, malahan juga kepada masyarakat agar mereka dapat menghayati, menilai dan menghargai apa sahaja hasil seni. Berhubung perkara ini, tunggak utama yang menjadi sasaran dalam memberikan didikan kepada pelajar dan masyarakat untuk menghargai seni bukanlah golongan seniman atau karyawan seni semata, sebaliknya fokus utama adalah kepada guru PSV.

Guru PSV adalah golongan yang bertanggungjawab dalam menggerakkan Kurikulum Pendidikan Seni Visual selain menjadi penghubung utama kepada pelajar dan masyarakat bagi mendidik pelajar dan masyarakat tentang menghargai karya seni.





Perkara ini dilihat realistik, apabila berlakunya transformasi yang menyeluruh di dalam sistem pendidikan kebangsaan dengan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, terkandung teras Pembangunan Modal Insan. Teras ini amat bertepatan untuk melahirkan generasi yang celik seni. Bagi mencapai perkara tersebut, sistem pendidikan negara telah mengalami lonjakan perubahan dengan penambahbaikan dan perubahan dalam Kurikulum Pendidikan Seni Visual.

Terdahulu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah ditambah baik dan mengalami perubahan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Di dalam KSSM PSV, terdapat penekanan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah dan apresiasi seni. Perkara ini dijemakan sebagai Standard Kandungan dalam KSSM bertujuan untuk menggambarkan kepentingan pengajaran Sejarah dan Apresiasi Seni di sekolah. Perubahan yang berlaku telah membuka peluang baharu kepada Bidang Apresiasi Seni untuk ditonjolkan sebagai salah satu cabang dalam bidang seni yang perlu dikuasai dan disebar luaskan kepada pelajar.

Berdasarkan kepada Pendidikan Seni Visual Tingkatan 1 KSSM, fokus terhadap perkembangan pemikiran seni visual dalam kalangan pelajar telah diberikan keutamaan. Bagi mencapai objektif yang dihasratkan, pelajar perlu diberi pengukuhan, pemahaman terhadap bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual melalui eksplorasi maklumat daripada pelbagai sumber serta eksperimentasi pelbagai media dan teknik dalam penghasilan karya seni (KPM, 2015).





Perkara ini menjelaskan apresiasi seni adalah sangat ditekankan di dalam KSSM Pendidikan Seni Visual dan perlu dilaksanakan di peringkat sekolah. Oleh yang demikian, adalah amat perlu memberikan kesedaran kepada guru PSV tentang kepentingan pelaksanaan pengajaran apresiasi seni dalam subjek PSV supaya matlamat kurikulum tersebut tercapai. Dengan mensasarkan guru PSV sebagai penggerak kepada kurikulum PSV, golongan ini perlu memainkan peranan yang sewajarnya bagi memastikan Standard Kandungan ini tercapai.

Aktiviti dalam apresiasi seni boleh dianggap sebagai satu bentuk pendidikan yang dapat menggalakkan keupayaan berfikir dalam kalangan pelajar. Ini adalah kerana seseorang individu akan melalui proses berfikir ketika mengamati, menghayati, memahami, menilai dan seterusnya menghargai hasil seni. Sesi apresiasi seni pula akan berupaya mendidik pelajar berkomunikasi menggunakan laras bahasa visual dan menggalakkan kepekaan pancaindera pelajar ketika bertindak balas terhadap karya seni. Oleh sebab itu, sewajarnya pengajaran apresiasi seni di sekolah ditekankan pelaksanaannya dalam kalangan guru PSV.

Berdasarkan kajian Rosiah Md Noor dan Mohd Zahuri Khairani (2019), bahasa seni visual akan dapat membantu seseorang memahami sesebuah karya seni. Oleh kerana setiap karya seni menyediakan maklumat yang berbeza dari segi makna; maka perkara tersebut akan dapat difahami bergantung kepada kepekaan dan pengetahuan individu tersebut. Memetik Fichner-Rathus (2001), untuk menghubungkan pemikiran, pandangan dan perasaan seniman tentang sesuatu perkara yang boleh menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna adalah melalui kefahaman dan apresiasi (Rosiah Md Noor & Mohd Zahuri Khairani, 2019).





Perkara berkaitan apresiasi seni sentiasa mendapat perhatian pelbagai pihak untuk terus dikembangkan dalam kehidupan seharian. Walaupun kajian terhadap pengajaran apresiasi seni bukanlah merupakan satu bidang yang baharu dijalankan oleh para sarjana, tetapi kajian terhadap pengajaran apresiasi seni dalam negara masih kurang dan memerlukan banyak kajian yang mendalam.

Beberapa kajian yang berjaya dikenal pasti dijalankan oleh sarjana di dalam negara berkenaan apresiasi seni termasuklah kajian yang dijalankan oleh Iberahim Hassan, Hassan Mohd Ghazali, dan Jamilah Omar (2006); Ida Puteri Mahsan (2008); Rosiah Md Noor dan Azian Tahir (2009); Mohd Shamsul Nazri Ariffin (2010); Mohd Zulkifli Mat Salleh (2010), dan Subramaniam et al. (2016). Lantaran keterbatasan rujukan kajian yang menjurus kepada pelaksanaan pengajaran apresiasi seni di sekolah, ruang telah terbuka luas kepada pengkaji menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam dalam bidang ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkara berkaitan pengajaran PSV di sekolah merangkumi pelbagai aspek samada aspek kurikulum, buku teks, kaedah pengajaran, peperiksaan, guru dan pelajar itu sendiri. Setiap aspek tersebut mempunyai pelbagai topik dan perkara yang boleh dibincangkan termasuklah berkenaan pengajaran apresiasi seni.

Apresiasi seni visual mempunyai kepentingan dalam memberikan pengalaman kepada pelajar mengenai aspek pengetahuan seni visual dan kegunaannya dalam





pelbagai kegiatan kehidupan daripada segi keindahan dan fungsi. Apresiasi seni telah dimuatkan sebagai salah satu dari standard kandungan yang terdapat dalam KSSM subjek PSV semenjak tahun 2015.

Berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang terdahulu, bidang sejarah dan apresiasi seni turut dimuatkan sebagai bahagian kedua dalam kandungan kurikulum tersebut selepas bahagian pertamanya iaitu penghasilan karya. Guru PSV lebih memfokuskan kepada penghasilan karya. Oleh sebab itu, pengajaran apresiasi seni yang melibatkan aspek asas seni reka, teori dan sejarah seni sering kali diabaikan oleh guru PSV dengan alasan pelajar telah menduduki peperiksaan akhir tahun.



terhadap karya seni. Dalam konteks pengajaran di sekolah, apresiasi seni lebih kepada menilai karya yang dihasilkan oleh pelajar ketika mengikuti pembelajaran subjek PSV. Tujuannya adalah supaya pelajar dapat menceritakan tentang elemen seni dalam karya yang dihasilkan, pemilihan alat, bahan, proses dan teknik yang terlibat bertujuan untuk menambah baik hasil karya.

Menurut Rosiah Md Noor dan Azian Tahir (2009), penghargaan terhadap karya seni dapat dibuat menerusi kritikan seni. Kritikan seni adalah suatu kaedah menganalisis kandungan karya yang digarapkan dan dihuraikan satu persatu. Kritikan seni dan penilaian estetik akan membantu pelajar membuat andaian dan menganalisis sesebuah karya seni.





Rosiah Md Noor dan Azian Tahir (2009) menyifatkan pelajar akan dapat mengalami proses perkembangan bertutur tentang apa yang dirasa dan mengaitkannya dengan penilaian estetik. Pelajar akan merasa lebih dekat dengan karya yang memberikan suatu pengalaman estetik buat mereka. Karya-karya yang dianalisa ini akan menjadi lebih bermakna dan sentiasa diingati.

Selain dari itu, Bahasa Seni Visual yang terdiri dari unsur seni dan prinsip rekaan yang menjadi asas kepada kritikan seni secara formalistik dan sebahagian dari proses apresiasi seni telah dimuatkan sebagai topik-topik yang perlu dipelajari dalam subjek PSV. Perkara ini adalah rentetan dari pelaksanaan KSSM yang telah diperkenalkan pada tahun 2015, di mana mata pelajaran Pendidikan seni Visual bagi pelajar Tingkatan Satu telah dibekalkan dengan buku teks lengkap PSV.



Bahasa Seni Visual telah disusun sebagai satu topik awal yang perlu diikuti oleh pelajar Tingkatan Satu menerusi KSSM. Topik ini memerlukan peruntukan masa selama lima minggu untuk sukatananya dihabiskan. Setelah itu, guru PSV dan juga pelajar meneruskan dengan topik penghasilan karya. Perubahan yang berlaku ini menunjukkan terdapatnya penekanan terhadap bidang apresiasi yang sememangnya perlu dikuasai oleh guru PSV dan juga pelajar.

Guru PSV yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang konsep apresiasi seni dapat menguasai dan melaksanakan pengajaran dalam bidang tersebut dengan baik. Penguasaan ini melibatkan pengetahuan pedagogi isi kandungan yang juga disebut PPIK.



Naquiah Nahar dan Jimaain Safar (2016) yang memetik Shulman (1987), seorang guru harus memahami dengan jelas termasuk perkara yang tersirat di sebalik apa yang diajarkannya tersebut. Hal yang sama diperkatakan dalam Norashilah Zainal, Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif, Lilia Ellany Mohktar dan Nor Farahwahidah Abd Rahman (2013), yang merujuk guru yang menguasai pengetahuan isi kandungan adalah guru yang mempunyai kefahaman yang mendalam tentang konsep isi kandungan subjek yang diajar.

Aspek yang paling penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah kefahaman guru terhadap ilmu yang disampaikan (Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod, 2014). Sesuatu pengajaran guru yang mudah difahami oleh pelajar adalah refleksi kepada penguasaan pengetahuan isi kandungan yang guru miliki (Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad, 2017).

Menguasai sesuatu ilmu pengetahuan dalam sesuatu topik yang diajar merupakan tanggungjawab seorang guru. Menurut Ahmad Kilani Mohamed (2001), kejayaan sesuatu pengajaran banyak bergantung kepada kemahiran guru dalam menyampaikan topik yang berkaitan secara aktif dan menarik bagi menimbulkan minat pelajar.

Selain itu, keberkesanan pengajaran juga banyak dipengaruhi oleh persediaan dan penguasaan pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) dalam kalangan guru (Shulman, 1987; Bromme, 1994; Wang et al., 1999; Howey, 1999). Menurut Marks (1990) dan Grouws dan Schultz (1996), PPIK adalah antara pengetahuan profesional



dan pengetahuan asas perguruan yang utama bagi seorang pendidik yang cemerlang (Dipetik daripada Nurul Huda Hassan, 2015).

Kurikulum PSV yang dilaksanakan tidak akan tercapai sepenuhnya seandainya guru PSV tidak melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya. Usaha untuk mendedahkan tentang apresiasi seni kepada pelajar demi memastikan mereka dapat menghargai karya adalah sangat perlu dilakukan oleh guru PSV. Hal ini adalah kerana menurut Chapman (1982), kemahiran yang pelajar perlukan untuk membuat penilaian tentang seni tidak ditanam secara automatik walaupun kurikulum pendidikan yang diikuti menekankan penghasilan karya seni. Tanpa adanya pengetahuan dan proses pengajaran dan pembelajaran, guru PSV tidak dapat menyebarkan ilmu tentang apresiasi seni kepada pelajar.



Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pengetahuan guru PSV terhadap apresiasi seni dan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru PSV dalam melaksanakan pengajaran apresiasi seni. Pengajaran apresiasi seni dikaitkan dengan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) manakala Pengetahuan Pedagogi Khusus (PPK) dikaitkan dengan apresiasi seni dalam subjek PSV.

Walaupun pembelajaran apresiasi seni seringkali dikaitkan dengan kritikan dan juga sejarah seni, namun perkara utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berkenaan apresiasi seni. Selain itu, pengetahuan guru PSV tentang pendekatan kritikan yang merupakan sebahagian dari proses apresiasi akan turut diselidik ketika mengkaji pengetahuan tentang model atau pendekatan yang dipilih dalam melaksanakan apresiasi seni.





1.2.1 Isu Pelajar Tidak Mempunyai Pengetahuan Apresiasi Seni

Isu kelemahan pelajar dalam membuat apresiasi seni bukan suatu perkara yang baru, tetapi telah dikaji sejak dahulu lagi. Hal ini adalah disebabkan oleh guru PSV yang tidak melaksanakan pengajaran apresiasi seni dengan sewajarnya di dalam bilik darjah. Ataupun sekiranya guru PSV melaksanakannya, pendekatan pengajaran yang digunakan oleh mereka tidak sesuai atau tidak menepati cara belajar pelajar.

Naquiah Nahar dan Jimaain Safar (2016) menekankan kaedah pengajaran memainkan peranan yang penting sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta merupakan salah satu faktor penting dalam sesuatu pengajaran. Kaedah pengajaran guru PSV yang tidak menarik dan membosankan menimbulkan rasa kurang minat pelajar terhadap apa yang diajar oleh guru PSV khususnya sejarah dan apresiasi seni.

Selain dari itu, akan timbul juga tanggapan bahawa ilmu apresiasi seni sukar untuk difahami dan dipelajari. Hal ini adalah disebabkan oleh kaedah pengajaran yang lama dan begitu konservatif yang digunakan guru PSV yang mana keutamaan pelajar-pelajar lebih tertumpu kepada menghafal tentang sejarah atau teori seni tanpa memahami dan mengaplikasikan perkara tersebut ketika menghasilkan karya.

Tanggapan pelajar yang memahami dan membayangkan bahawa apresiasi seni adalah satu ilmu yang hanya menekankan sejarah dan juga teori seni menyebabkan mereka kurang berminat kerana memerlukan pembacaan khusus kepada nota seperti subjek sejarah dan subjek yang melibatkan pembacaan yang lain. Pelajar perlu





disedarkan bahawa apresiasi seni bukanlah suatu perkara yang membosankan tetapi memberi ruang kepada mereka untuk menikmati keindahan karya seni.

Lantaran salah tanggapan, perkara berkaitan dengan apresiasi seni kurang diberi perhatian berbanding penghasilan karya yang dapat dilihat secara fizikal. Situasi menjadi lebih buruk sekiranya guru PSV juga mempunyai tanggapan yang sama seperti pelajar dan tidak mencari alternatif untuk membetulkan salah tanggapan tersebut.

Situasi yang menjejaskan tumpuan pelajar terhadap apa yang diajarkan atau disampaikan oleh guru PSV akan menyebabkan mereka melakukan perkara-perkara lain semasa guru sedang mengajar. Hal ini adalah selari seperti yang ditegaskan oleh Choong (2009) iaitu, masalah yang sering timbul dalam kalangan pelajar semasa berada di bilik darjah adalah kerana tidak menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan guru, sebaliknya cenderung berkomunikasi secara lisan atau tidak lisan dengan rakan sekelas.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah yang terdahulu dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), dan terkini yang telah ditambah baik kepada KSSM meletakkan sejarah dan apresiasi seni sebagai sebahagian dari kandungan kurikulum. Sehubungan dengan itu, adalah amat perlu memberikan kesedaran kepada guru PSV tentang kepentingan pelaksanaan pengajaran apresiasi seni dalam subjek PSV supaya matlamat kurikulum tersebut tercapai.

Tindakan yang lebih serius perlu difikirkan dan dilaksanakan untuk memastikan guru PSV dan juga pelajar mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam



melaksanakan apresiasi seni dan dalam masa yang sama dapat menzahirkan hasrat Kurikulum PSV yang menginginkan pelajar untuk menghargai karya seni. Zelanski dan Fisher (1988), menegaskan apresiasi seni ialah suatu kemahiran yang perlu dipelajari. Zelanski dan Fisher merujuk kepada McCarter dan Gilbert (1988) yang percaya bahawa pelajar mesti belajar cara melihat karya seni secara kritikal bagi mendapatkan pengalaman dalam dunia seni.

Zelanski dan Fisher (1988) berpendapat dengan mengetahui tentang pengkarya, bahan, kaedah dan seni secara semula jadi berupaya memperkayakan kefahaman pelajar tentang seni dan seterusnya apresiasi mereka dalam seni. Merujuk kepada hal ini, Zelanski dan Fisher (1988) mempunyai pandangan yang agak berbeza dengan Knobler (1971).

Pengkaji memetik pandangan Knobler (1971) dalam kajian lepas oleh Busbea (2006), apresiasi seni tidak boleh dipelajari tetapi guru hanya boleh memperkenalkan pelajar kepada karya seni dan menyiapkan mereka untuk menjalankan penghayatan seni. Walau bagaimanapun, beliau percaya penghayatan seni yang sebenar membangun dengan pemerhati seni apabila mereka sudah bersedia.

Sebaliknya, Zimmerman (1988) menegaskan tidak ada bukti yang menunjukkan kelas penghasilan seni dapat menyediakan pelajar dengan pengetahuan tentang penghargaan seni. Menurut beliau, pengajaran dalam kelas seni menekankan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengekspresikan diri dan tidak melengkapkan pelajar untuk renungan dan perbincangan mengenai seni.



Situasi tersebut jelas menggambarkan penghayatan seni tidak selalu berlaku dengan wujudnya penghasilan seni. Keadaan yang sama juga dikhuatiri berlaku di sekolah hari ini. Sehubungan dengan ini, guru PSV harus berperanan secara proaktif dalam menyuntik dan membudayakan kecintaan terhadap apresiasi seni.

Sehubungan dengan itu, guru PSV tidak seharusnya menghentikan peranan mereka di ruang institusi sekolah sahaja, malah harus meneruskan amalan kecintaan terhadap seni di luar bilik darjah. Guru PSV harus bijak dalam merencanakan literasi seni ke semua peringkat umur. Dengan demikian, penghayatan seni akan dapat diperluaskan ke semua kelompok dan kesedaran apresiasi itu dapat dijemakan daripada peringkat kanak-kanak sehingga orang dewasa.



1.2.2 Isu Guru Tidak Berpengetahuan Tentang Model dan Teori Apresiasi Seni

Menurut Salleh Abdul Rashid (2003), guru-guru di sekolah menengah yang dikategorikan sebagai berpengalaman masih tidak dapat menguasai sepenuhnya ilmu pengetahuan yang dipelajari walaupun telah beberapa tahun mengajar mengikut subjek masing-masing. Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan apresiasi seni yang berkesan, guru PSV dan pelajar perlu didedahkan dengan lebih mendalam tentang pendekatan yang boleh digunakan ketika melaksanakan apresiasi seni.

Pemilihan pendekatan tersebut mestilah yang bersifat menepati Kurikulum PSV sekolah menengah seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pendekatan apresiasi dan kritikan seni di sekolah adalah menekankan unsur-unsur





formalistik iaitu aspek Bahasa Seni Visual. Pendekatan kritikan seni yang menekankan unsur formalistik yang bersifat ringkas, mudah dikuasai dan sesuai diaplikasikan di sekolah boleh dikaitkan dengan pendekatan kritikan seni yang diperkenalkan oleh Feldman.

Pendekatan yang diperkenalkan oleh Feldman ini merangkumi empat peringkat. Ia terdiri daripada peringkat deskripsi, analisis, interpretasi dan juga pertimbangan terhadap karya. Walau bagaimanapun, model Feldman ini tidak didedahkan secara langsung di dalam sukatan pelajaran, sebaliknya langkah-langkah yang terdapat dalam model tersebut diguna pakai sebagai pendekatan dalam melaksanakan apresiasi seni.

Penggunaan model kritikan sebagai panduan dalam melaksanakan apresiasi seni boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya tidak diperjelaskan dengan sebetulnya. Ini kerana apresiasi dan kritikan membawa maksud yang berbeza. Walau bagaimanapun, kajian ini melihat kritikan seni dalam konteks apresiasi.

Perkara berkaitan apresiasi seni sebenarnya tidak pernah didedahkan kepada guru PSV yang sudah berkhidmat. Sekiranya terdapat dalam kalangan guru PSV yang mengetahui tentang sesuatu model dan pendekatan kritikan seni, hal itu adalah kerana mereka mempelajarinya semasa mengikuti pengajian di universiti ataupun latihan di Institut Pendidikan Guru.

Walaupun mempelajari tentang apresiasi seni semasa pengajian, kemahiran membuat apresiasi seni akan bertambah baik sekiranya guru PSV mempraktikkan ilmu berkaitan kritikan dan apresiasi seni semasa berkhidmat. Namun, jika guru PSV tidak





mempraktikkan amalan pengajaran apresiasi seni di sekolah, perkara tersebut sudah pasti akan menyekat penyebaran ilmu dalam bidang berkenaan kepada pelajar dan akan timbul isu pelajar tidak tahu menghargai karya seni.

1.2.3 Isu Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Apresiasi Seni

Isu yang cuba diperjelaskan adalah, guru PSV tidak mempraktikkan amalan apresiasi karya di sekolah. Apabila tiada penekanan dan praktik dalam membicarakan tentang fungsi dan perkaitan bahasa seni visual dalam sesuatu karya oleh guru PSV, ia telah menjejaskan pengetahuan pelajar tentang apresiasi.



berpengetahuan tentang ilmu apresiasi seni. Pemahaman guru PSV yang lemah tentang apresiasi itu sendiri telah menyebabkan pengetahuan tidak disebarluaskan kepada pelajar. Pengetahuan tentang sesuatu perkara memainkan peranan yang penting dalam memastikan penyampaian pengajaran berkesan.

Ainon Wazir (2016) mendapati keberkesanan aktiviti PdPc banyak bergantung kepada kompetensi guru sebagai perancang dan pelaksana aktiviti-aktiviti PdPc. Kajiannya merujuk kepada aspek penguasaan kandungan ilmu dan kemahiran guru bagi mentransformasikan ilmu kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan memberi kefahaman kepada pelajar tentang ilmu kandungan yang disampaikan.





Hal ini adalah bertepatan dengan dengan saranan Shulman (1987). Beliau menegaskan, guru pertama sekali perlu memahami pengetahuan tentang sesuatu perkara dengan tahap fleksibiliti dan mempunyai keupayaan menyesuaikan agar dapat mengubah pengetahuan tersebut ke dalam bentuk pedagogi yang lebih berkesan dan bersesuaian dengan variasi untuk dikemukakan kepada pelajar.

Selain itu, faktor kekangan masa yang diperuntukkan untuk subjek PSV tidak mencukupi untuk membicarakan tentang sejarah dan apresiasi seni dan dalam masa yang sama menghasilkan karya. Sehubungan itu, terdapat guru PSV yang bersikap untuk lebih memberatkan penghasilan karya manakala aspek sejarah, teori dan kritikan seni diabaikan oleh sesetengah daripada mereka. Oleh itu, kesannya dapat dilihat apabila terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak tahu untuk berbicara tentang sejarah, tokoh, teori seni dan menghargai karya.

Lam dan Kember (2004) mengatakan guru boleh menjadi ejen perubahan yang berjaya, tetapi juga boleh menjadi halangan untuk sesuatu perubahan apabila pembaharuan yang dicadangkan mencabar konsep pengajaran mereka (Brown, 2006). Ini sekali gus merujuk kepada peranan guru PSV dalam menggarap sifat menghayati dan menghargai seni dalam kalangan pelajar daripada peringkat akar umbi.

Guru PSV perlu berperanan dalam mendedahkan pengetahuan menghargai karya seni kepada pelajar mereka. Ia bertujuan untuk mencorak budaya menghayati dan menghargai seni dikalangan remaja hari ini. Oleh yang demikian, amatlah penting supaya pengetahuan dan kemahiran tentang apresiasi seni dikuasai oleh para guru PSV





terlebih dahulu sebelum ilmu penghayatan terhadap karya seni ini perlu dilanjutkan kepada pelajar.

Walaupun hal ini sedia maklum, sesuatu perkara yang sukar sepertimana yang dijelaskan oleh Veal dan MaKinster (1999) iaitu membuat peralihan dari kepercayaan peribadi mengenai kandungan kepada menyusun kandungan disiplin dalam cara yang mudah difahami oleh pelajar adalah aspek pembelajaran yang sukar untuk diajar.

Namun, dalam situasi begini, kemampuan guru PSV khususnya berfokus pada PPIK atau lebih tepatnya pengetahuan pedagogi isi kandungan amatlah diperlukan. Berdasarkan Roslina Mohd Nor, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Hamdzun Haron (2019), konsep pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) terdiri dari dua domain pengetahuan khusus iaitu pengetahuan isi kandungan (PIK) dan pengetahuan pedagogi yang telah diperkenalkan oleh Shulman (1987).

Pengetahuan isi kandungan (PIK) adalah berdasarkan kepada bidang pengetahuan guru tentang isi kandungan sesuatu subjek manakala pengetahuan pedagogi pula adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran yang khusus.

Shulman (1986) juga mengatakan PPIK sering digunakan untuk menjelaskan kefahaman guru tentang apa yang menjadikan pembelajaran sesuatu tajuk tertentu senang atau sukar, dan selalunya dikaitkan dengan konsepsi, prakonsepsi dan salah konsep yang dimiliki oleh pelajar.



Menurut Nurul Huda Hassan (2015), untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan, PPIK adalah sangat penting dan perlu ada pada guru mengikut subjek atau bidang masing-masing. Maka dengan itu, guru PSV hendaklah memantapkan pengetahuan tentang isi kandungan sebelum menambahbaik amalan pedagogi mereka.

Memetik pandangan Ingersoll (2000); pengetahuan bidang pengajian dan pengetahuan tentang cara mengajar menjadi penentu utama dalam kualiti pengajaran (Dipetik daripada Mohd Aizat Abu Hassan & Nur Raihan Mohd Yusof, 2018). Isu-isu yang telah diperjelaskan membawa kepada pernyataan masalah seperti bahagian seterusnya.

Walaupun setelah sekian lama pengajaran apresiasi seni dimuatkan sebagai salah satu elemen dalam kurikulum PSV, situasinya di sekolah masih hambar dan kurang mendapat perhatian oleh guru PSV mahupun pelajar. Hal ini terjadi kerana guru PSV lebih berfokus kepada bidang penghasilan karya iaitu psikomotor berbanding perkara yang melibatkan teori-teori seni seperti sejarah dan apresiasi seni.

Selain itu, pengabaian pengajaran apresiasi oleh guru PSV juga kerana kekangan seperti guru PSV tidak mempunyai pengetahuan tentang apresiasi seni. Pengetahuan ini dikaitkan dengan kandungan mata pelajaran dan juga pedagogi guru PSV. Menurut Zamri Mahamod dan Magdeline Anak Nor (2012), pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) ialah elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh



pusat latihan perguruan kerana ia merupakan inti pati kepada profesion perguruan yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran di dalam kelas.

Ainon Wazir (2016) menegaskan, kurangnya penguasaan isi kandungan guru PSV mengakibatkan pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran praktikal dalam subjek ini. Sekiranya PPIK tidak dikuasai dengan baik oleh guru PSV, masalah pengajaran dalam apa jua tajuk yang terkandung dalam subjek PSV akan terganggu.

Jika masalah ini berlarutan dan ditambah lagi dengan masalah yang lain, ia akan menjejaskan kualiti pengajaran bukan sahaja dalam tajuk apresiasi seni malahan tajuk-tajuk lain yang terkandung dalam kurikulum PSV. Seperti yang ditegaskan oleh Soffie Balqis Bernard Abdullah (2013); Shaharom TM Sulaiman (2001), isu kritikal yang menjejaskan kualiti PSV adalah guru kurang berpengalaman dan tidak menguasai kemahiran mata pelajaran selain murid kurang yakin dalam membuat apresiasi dan kritikan seni.

Memetik Ainon Wazir (2016) yang menyebut dalam Laporan Prestasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 mendapati antara faktor pelajar memperoleh markah yang rendah adalah kerana kebanyakan daripada mereka tidak dapat mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam karya bagi kertas dua subjek PSV. Unsur seni dan prinsip rekaan merupakan elemen asas seni yang wajib dikuasai dalam menghasilkan karya.

Kajian rintis yang dijalankan oleh pengkaji juga telah mengesahkan masalah kelompongan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan apresiasi seni dalam





kalangan guru PSV di sekolah. Kesan dari itu, turut memberikan impak kepada pelajar yang mana pelajar tidak tahu menghargai karya seni.

Kurikulum PSV telah menggariskan supaya pelajar seharusnya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menghargai seni. Selain itu mereka juga mesti berkemampuan dalam membuat penghargaan terhadap karya seni sama ada secara lisan ataupun bertulis. Namun demikian, situasi sebenar di sekolah hari ini menjelaskan sebaliknya.

Kajian lepas oleh Mohamad Faizuan Mat dan Mohamad Nasir Baharuddin (2016) menunjukkan kritikan seni tidak wujud di Malaysia memandangkan perkara tentang kritikan dan penghargaan seni tidak pernah diajar secara mendalam oleh Institusi Seni yang ada, sehingga tidak banyak pengkritik seni yang benar-benar cekap dan dapat menguasai bidang kritikan dengan baik dan berkesan dapat dilahirkan. Mereka menegaskan Pendidikan Seni visual dalam negara sangat menuntut perbincangan tentang kritikan seni, penghayatan seni dan berdebat mengenai seni.

Berdasarkan kajian Deddy Hartanto (2007), pembelajaran apresiasi seni kadangkala menjadi kegiatan yang tidak penting dan bersifat subordinasi. Selain itu, Mohd Shamsul Nazri Ariffin (2010) pula mengatakan, disebabkan oleh beberapa kekangan dan ditambah dengan sikap tidak mengambil berat dalam kalangan guru berserta tanggapan bidang apresiasi tidak penting membuatkan perkara ini sering diabaikan di sekolah.



Bidang apresiasi adalah sangat tidak diberatkan di dalam kelas. Masalah yang paling ketara ialah guru tidak dapat mengajar topik apresiasi seni dengan sempurna. Seterusnya, implikasi pembelajaran dalam bilik darjah hanya memberatkan penekanan psikomotor sahaja tanpa memberatkan nilai kognitif dan afektif (Ibrahim Hassan et al., 2006). Azman Ismail (2008) menegaskan menunjukkan terdapat ketidakseimbangan antara penghasilan karya seni dan kritikan sehingga karya seni tidak dapat dinilai kelebihan atau kekurangannya secara keseluruhan.

Walaupun imej visual diiktiraf sebagai salah satu bentuk komunikasi yang paling meluas, namun pendidikan seperti sosial, sejarah dan budaya menulis adalah sebahagian besarnya diabaikan di sekolah (Sohn, 2004; Pauly, 2003; Tavin, 2001). Keadaan ini sangat berbeza dengan situasi di luar negara yang mana subjek apresiasi

seni sangat mendapat perhatian.

Dalam kajian Busbea (2006), beliau memetik pandangan Ruel (2003) dalam *Personal Communication* bahawa di seluruh Amerika Syarikat kira-kira 300,000 orang pelajar mendaftar untuk kelas apresiasi seni setiap tahun, dan purata sebuah kelas mengandungi 75 hingga 100 orang pelajar. Beberapa buah universiti yang besar mempunyai hampir 1,000 orang pelajar setahun yang mendaftar di kelas apresiasi seni kerana subjek ini merupakan akreditasi yang diperlukan di Amerika Syarikat.

Memetik kepada pelaporan di dalam Buletin Anjakan yang diterbitkan Kementerian Pendidikan Malaysia (April, 2015), kekangan bahan bantu mengajar (BBM) dan juga sumber menjadi penghalang kepada kelancaran pengajaran PSV di sekolah. Oleh itu, adalah tidak dinafikan, buku teks adalah antara bahan yang dapat



mewakili usaha berterusan dan menyeluruh bagi menjelaskan tentang sifat dan isu-isu penghayatan seni (Jansen, 1991).

Tanpa buku teks atau sumber rujukan yang lain seperti modul juga boleh membantutkan perkembangan pengetahuan apresiasi seni dalam kalangan guru PSV. Seperti yang ditegaskan oleh Mitter (1980), antara halangan kepada kejayaan apresiasi seni ialah kesedaran dan kesediaan guru yang tidak mencukupi di samping kekurangan panduan kurikulum dan bahan pengajaran untuk membantu guru (Dalam Chapman, 1982).

Segala permasalahan yang telah dinyatakan menjadi titik tolak bagi pengkaji untuk menyelidik tentang pelaksanaan pengajaran apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengemukakan rasional kajian ini perlu dilaksanakan seperti yang diuraikan di bahagian seterusnya.

1.4 Rasional Kajian

Rasional kajian ini adalah untuk menyediakan analisis dan ulasan mengenai penguasaan apresiasi seni dan pelaksanaan pengajaran apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah. Apresiasi seni merupakan satu bidang yang penting di dalam PSV dan ia turut menjadi salah satu perkara yang terkandung dalam Kurikulum PSV sekolah menengah yang perlu dicapai selain dari penghasilan karya.





Pemberatan kepada bidang apresiasi juga dapat dilihat apabila ia dijadikan sebagai salah satu standard kandungan dalam Kurikulum PSV di sekolah menengah yang perlu disampaikan pengajaran tentangnya oleh guru PSV di sekolah. Tetapi, oleh kerana keterbatasan pengetahuan guru PSV tentang model kritikan mahupun pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran apresiasi seni, keterbatasan tahap kognitif guru PSV terhadap penghargaan seni, sekali gus kegagalan mereka untuk menerapkan kepada pelajar proses menghargai karya, maka dengan itu kajian ini dijalankan.

Kajian ini disediakan bagi menganalisis secara mendalam tahap pengetahuan isi kandungan berkaitan bidang apresiasi seni dalam kalangan guru PSV sekolah menengah, dan mengenal pasti pendekatan pengajaran yang digunakan dalam mengajar apresiasi seni di sekolah. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mencari faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada guru PSV dalam melaksanakan pengajaran apresiasi seni di sekolah.

Pengkaji akan memberatkan kajian ini kepada pelaksanaan pengajaran apresiasi seni yang bersandarkan kepada penguasaan dalam bidang apresiasi seni yang merujuk kepada pengetahuan yang mendalam dan kemahiran guru PSV dalam bidang apresiasi seni. Manakala pedagogi guru PSV pula merujuk kepada strategi dan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru PSV yang terlibat sebagai partisipan kajian ini dalam melaksanakan pengajaran apresiasi terhadap karya seni kepada pelajar di bilik darjah.



Selain dari menganalisis tahap pengetahuan, mengenal pasti pendekatan pengajaran serta kesedaran guru PSV tentang kepentingan pelaksanaan pengajaran apresiasi seni, kajian ini juga mengupas faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan pengajaran apresiasi terhadap karya seni di dalam bilik darjah. Kajian ini juga tidak akan mengabaikan kesedaran guru PSV tentang pengetahuan dan kepentingan pelaksanaan pengajaran apresiasi seni di dalam bilik darjah.

Pengkaji akan menganalisis aspek-aspek seperti pengetahuan guru PSV terhadap isi kandungan yang khusus iaitu pengetahuan pedagogi khusus (PPK) bidang apresiasi seni, kaedah pengajaran, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran apresiasi seni seperti masa, kesedaran, tanggungjawab, minat serta bahan bantu mengajar.

Setelah itu, hasil penyelidikan yang telah dikenal pasti akan dianalisis dan dikupas sebaiknya, akan dilaporkan sebagai satu pendedahan ilmiah yang boleh digunakan sebagai bahan yang membekalkan maklumat kepada pihak yang berwajib untuk mengambil inisiatif sewajarnya bagi memastikan Kurikulum PSV terlaksana secara holistik di sekolah.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan mendalam pengetahuan dan pendekatan guru-guru PSV dalam melaksanakan pengajaran apresiasi seni dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga akan meneroka kesedaran guru



PSV tentang kepentingan melaksanakan pengajaran bidang apresiasi seni bagi subjek PSV di sekolah menengah di samping faktor-faktor yang mempengaruhi pdp. Oleh itu, bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif telah dirangka.

1.6 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah untuk mencapai perkara-perkara seperti yang berikut;

- i. Menganalisis tahap penguasaan apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah menengah.
- ii. Meneliti pendekatan pedagogi guru PSV di sekolah menengah dalam melaksanakan pengajaran apresiasi seni.
- iii. Memperincikan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni di sekolah.

1.7 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan;

- i. Apakah tahap penguasaan apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah menengah?
- ii. Bagaimanakah pengajaran apresiasi seni dilaksanakan oleh guru PSV di sekolah menengah?





- iii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni di sekolah?

1.8 Kajian Awal

Kajian awal yang dilakukan ini bertujuan untuk mengesahkan permasalahan yang ingin dikaji. Pengkaji menemubual tiga orang guru PSV yang mengajar subjek PSV di sekolah menengah. Mereka ini terdiri dari guru PSV yang mempunyai pengalaman lebih dari sepuluh tahun mengajar subjek tersebut. Peserta kajian awal ini adalah guru PSV dari tiga buah sekolah yang berbeza tetapi dalam daerah pentadbiran yang sama.



guru PSV yang dilibatkan dalam temu bual untuk mengesahkan permasalahan kajian bahawa guru PSV khususnya yang mengajar di peringkat menengah rendah tidak menguasai apresiasi seni dengan baik. Selain itu, guru PSV peringkat menengah rendah juga tidak menitik beratkan pelaksanaan apresiasi seni mengikut pendekatan yang sepatutnya didedahkan kepada pelajar. Sekali gus, hasil dapatan kajian awal ini mengesahkan masalah kajian yang dikemukakan bagi menjalankan kajian ini.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji telah menyediakan kerangka konseptual bagi kajian ini. Sememangnya sudah menjadi kebiasaan bagi setiap penyelidik untuk membekalkan samada kerangka





konseptual atau kerangka teoritikal dalam kajian mereka. Berdasarkan kebiasaan ini, pengkaji telah membina satu kerangka konseptual bertujuan menggambarkan keseluruhan proses perjalanan kajian ini.


Kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji ini memperlihatkan Kurikulum Pendidikan Seni Visual dan guru PSV sekolah menengah sebagai komponen *input* yang utama. Guru PSV sekolah menengah bertindak sebagai medium perantara dalam mendedahkan maklumat berkaitan apresiasi seni kepada pelajar. Fokus utama kerangka konseptual ini adalah guru PSV yang mengaplikasikan model yang berasaskan formalistik iaitu dengan menggunakan model Feldman dalam melaksanakan pengajaran apresiasi seni.



juga dikenali sebagai PCK (*Pedagogical Content Knowledge*) guru PSV sekolah menengah dan model Feldman sebagai pendekatan berunsur formalistik yang diaplikasikan ketika melaksanakan pengajaran apresiasi seni sebagai proses pelaksanaan kajian.

Output bagi kerangka konseptual kajian ini merujuk kepada tahap penguasaan pedagogi isi kandungan tentang apresiasi seni dalam kalangan guru PSV sekolah menengah yang dianalisis berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh beserta kesan pengajaran apresiasi seni yang dilaksanakan guru PSV kepada pelajar. Segala komponen-komponen yang terdapat dalam kerangka konseptual kajian di Rajah 1.1 dijelaskan setiap satunya dalam perbincangan yang disertakan.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9.1 Kurikulum Pendidikan Seni Visual

Kurikulum adalah satu reka bentuk ataupun perancangan sesebuah institusi atau negara dan mempunyai pengertian luas yang mencakupi seluruh program yang dirancang (Siti Zuraida Maaruf, 2014; Saedah Siraj, 2008). Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah di Malaysia adalah berlandaskan kepada reka bentuk Model *Disipline-based Art Education* (DBAE).

Ia adalah kurikulum PSV yang telah dirancang secara sistematik dan mengikut kerangka teori kurikulum seperti yang dikemukakan dalam model Pendidikan Seni



berasaskan Disiplin. DBAE telah dibangunkan pada sekitar tahun 1980 oleh Yayasan J. Paul Getty (Feldman, 1996).

Memetik Halstead (2008), berdasarkan kepada model DBAE, pengajaran PSV bermula dengan persoalan-persoalan berkaitan dengan penggunaan struktur formal seni untuk menganalisis sesuatu idea, mengaplikasikan idea dengan meneroka teknik dan media, serta membuat pertimbangan berdasarkan kepada pemerhatian peribadi yang rapi tanpa berat sebelah (Siti Zuraida Maaruf, 2014). Model DBAE, menggunakan empat disiplin yang berbeza, iaitu penghasilan karya seni, kritikan, sejarah seni, dan estetika.

Siti Zuraida Maaruf, (2014) menjelaskan penghasilan karya seni adalah proses bertindak balas kepada pemerhatian, idea, perasaan, dan pengalaman lain dalam membuat kerja-kerja seni. Ia melibatkan kemahiran, bertimbang rasa, dan imaginatif pelajar selain mereka belajar tentang kemahiran dan teknik dalam menghasilkan karya seni sendiri yang asli.

Sejarah seni pula dikaitkan dengan konteks sejarah, sosial, dan budaya hasil seni yang memberi tumpuan terhadap aspek masa, tradisi, dan gaya yang berkaitan dengan hasil seni tersebut. Beliau memetik kepada Dobbs (1998) yang mengatakan tujuan utama sejarah seni ialah menubuhkan dan mengekalkan suatu perintah yang sistematik dalam budaya dan tradisi seni. Selain dari itu, sejarah seni juga membolehkan pelajar belajar tentang kejayaan dan kesempurnaan artistik lampau.



Disiplin kritikan seni membolehkan pelajar memberi penerangan, menganalisis, mentafsir, membuat penilaian dan menghasilkan teori sendiri dalam membuat pertimbangan terhadap kualiti rupa bentuk visual, melalui pemahaman yang bermakna dan menghargai karya seni. Selain itu, melalui kritikan seni pelajar dapat memahami peranan seni kepada masyarakat. Kritikan seni melibatkan penggunaan bahasa visual, perbincangan lisan tentang seni mahupun penulisan yang bernas.

Menerusi kritikan seni, pelajar dapat memahami dan menghargai seni, artis, penonton, dan peranan seni dalam budaya dan masyarakat. (Dobbs, 1998). Kritikan seni melibatkan empat proses iaitu deskripsi, analisis, tafsiran dan penilaian. Ragans (2005) menegaskan apabila pelajar bertindak sebagai pengkritik dengan menggunakan laras bahasa seni yang betul, ia dapat memperkembangkan kemahiran lisan dan bertulis selain belajar membuat pemerhatian untuk memberikan pertimbangan yang tidak berat sebelah.

Manakala disiplin estetika ialah cabang falsafah. Dalam konteks falsafah seni, terdapat beberapa elemen penting seperti sejarah seni, aspek formalistik, dan kritikan seni. Falsafah seni diertikan sebagai satu nilai kemahiran, pertukangan, atau kebolehan yang mengutamakan sensitiviti pada persekitaran, kehalusan, keindahan, dan nilai estetik yang tinggi (Mulyadi Mahamood, Syafril Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, & Mumtaz Mokhtar, 2016).

Dobbs (1998) menyatakan estetika membantu pelajar belajar dan mengambil kira sifat semula jadi, maksud, impak dan nilai sesebuah karya seni serta pelajar digalakkan untuk membuat refleksi rumusan, memberi pandangan yang bersifat ilmiah



dan pertimbangan tentang sesebuah karya seni serta menguji kriterianya penilaian hasil kerja seni (Siti Zuraida Maaruf, 2014).

Kurikulum PSV sekolah menengah merangkumi perkara yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Kepentingan kurikulum ini adalah ia menerangkan matlamat pendidikan seni yang turut merangkumi penghayatan seni. Kurikulum ini bertindak sebagai panduan kepada guru PSV (Subramaniam, Rainal Hidayat Wardi, Rusmawati Ghazali, Jaffri Hanafi, Kahn, & Zaki Salleh, 2012).

Kurikulum PSV digarap supaya bersifat holistik dan dapat memenuhi segala keperluan dalam membangunkan pelajar secara menyeluruh dari aspek intelek, jasmani, rohani dan emosi. Walau bagaimanapun, kurikulum yang dilaksanakan ini tidak akan tercapai sekiranya guru PSV tidak melaksanakan tugas mereka dengan baik. Usaha untuk memberikan pendedahan tentang sesuatu isi kandungan kepada guru PSV dan memastikan mereka menguasai kemahiran tertentu adalah perlu.

Hal ini juga termasuk perkara mengenai kemahiran pengajaran topik apresiasi seni kepada pelajar. Topik apresiasi seni adalah merupakan salah satu kandungan pembelajaran dalam subjek PSV dan ia juga terangkum sebagai salah satu standard kandungan dalam kurikulum PSV terkini iaitu KSSM.





1.9.2 Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru PSV

Istilah *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) atau Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) telah diperkenalkan lebih 20 tahun yang lalu (Solis, 2009). Menurut Norhasliza Hassan dan Zaleha Ismail (2008), pengetahuan pedagogi ialah satu jenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru berdasarkan kepada cara guru mengaitkan pedagogi dengan isi kandungan sesuatu disiplin atau apa yang perlu diajar.

Turner-Bisset (1999) menyatakan pengetahuan isi kandungan ialah merujuk kepada pengetahuan tentang topik, peraturan, struktur, dan teori tertentu bagi suatu subjek. Zaidah Yazid (2005) pula mengatakan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) sebagai perkara yang mana guru berpengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran dan menterjemahkan pengetahuan tersebut ke dalam aktiviti yang dilakukan di bilik darjah, konseptualisasinya dan mengajar topik-topik khusus dalam sesuatu subjek.

Sementara itu, Veal dan MaKinster (1999) menjelaskan pengetahuan pedagogi guru adalah berkenaan dengan cara mereka merancang, kaedah pengajaran, penilaian, kerja kumpulan, cara menyoal dan cara memberi maklum balas. Mereka juga telah mengelaskan pelbagai jenis pengetahuan pedagogi secara hierarki yang dikenali sebagai taksonomi PPK am yang mana asas kepada taksonomi ini ialah pengetahuan pedagogi yang patut dikuasai oleh semua guru.

Memetik lagi pandangan Veal dan MaKinster (1999), PPK am adalah lebih terperinci jika dibandingkan dengan pedagogi. Ini adalah kerana PPK am menjurus



kepada mata pelajaran seperti Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Seni atau Bahasa Inggeris. Walaupun pengetahuan pedagogi kandungan sesuatu mata pelajaran adalah berbeza antara satu sama lain, tetapi berdasarkan Shulman (1986), pengetahuan pedagogi kandungan adalah merupakan teras pengetahuan guru yang terpenting.

Dalam konteks PSV, selain dari guru PSV perlu mempunyai pengetahuan dari aspek teoritikal; mereka juga perlu mempunyai kemahiran dalam menyampaikan isi kandungan mata pelajaran ini. Memetik pandangan guru-guru yang terlibat dalam kajian Zamri Mahamod dan Magdeline Anak Nor (2012), seorang pendidik mesti menguasai isi kandungan mata pelajaran yang akan diajar. Pengetahuan serta kefahaman terhadap pelajar akan dijadikan panduan untuk guru menetapkan pedagogi yang sesuai digunakan dalam sesuatu pengajaran.

Solis (2009) pula menegaskan, pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap pengajarannya akan mempengaruhi corak pembelajaran pelajarnya. Begitu juga dengan sikap dan emosi guru. Sikap dan emosi guru dikatakan memberi kesan positif dan negatif kepada pelajar. Kenyataan ini turut diakui oleh Lilia Halim, Abd. Razak Habib, Abd. Rashid Johar dan Tamby Subahan Meerah (2001) yang mendapati sikap guru yang bersungguh-sungguh mengajar membuatkan pelajar bersemangat dan berakhir dengan kefahaman pelajar.

Selain itu, Lilia Halim et al. (2001) telah menambah satu lagi komponen dalam pengetahuan pedagogi kandungan, iaitu sikap dan emosi guru, sebagai melengkapkan empat komponen yang lain iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang konteks dan pengetahuan tentang pelajar.



Kesimpulannya, untuk melancarkan amalan pengajaran di dalam kelas, guru PSV mesti menguasai pengetahuan isi kandungan subjek yang diajar. Jika ia adalah berkenaan subjek PSV, guru PSV perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menyampaikan isi kandungan subjek ini sama ada dalam bentuk amali mahupun teori.

Ia adalah seperti kajian yang dijalankan oleh Brophy (2001) yang menunjukkan pengetahuan isi kandungan subjek mempengaruhi amalan pengajaran di bilik darjah. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat kepada pengetahuan guru PSV dalam isi kandungan topik apresiasi seni dan pelaksanaan pengajaran topik tersebut kepada pelajar.



1.9.3 Pendekatan Apresiasi Berdasarkan Teori Formalisme



Terdapat pelbagai teori yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh seni sejak berabad yang lepas. Begitu juga dengan teori yang dikaitkan dengan pelaksanaan kritikan dan apresiasi seni. Namun, kajian ini akan memfokuskan perbincangan kepada teori formalisme sahaja. Hal ini adalah kerana pelaksanaan apresiasi seni dalam subjek PSV di sekolah menengah lebih menekankan perbincangan tentang unsur seni dan juga prinsip rekaan yang terdapat dalam karya.

Perbincangan elemen seni yang terdapat dalam karya adalah penganalisan formal dan merupakan satu teknik penting untuk menjelaskan maklumat tentang sesuatu karya seperti yang ditegaskan oleh Badrul Azmi Abdul Holed, Mohd Effendi Muhammad Suandi, Muhammad Farizuan Rosli, dan Norshah Afizi Shuaib (2014).





Menurutnya lagi, ia adalah satu strategi yang digunakan untuk menterjemahkan apa yang dilihat dan menzahirkannya dalam bentuk perkataan samada secara verbal atau bertulis. Selain itu, beliau menegaskan konsep formal untuk menganalisis hasil karya seni terbahagi kepada dua, iaitu unsur seni dan prinsip rekaan.

Unsur seni dan prinsip rekaan ini juga dikenali sebagai bahasa seni visual. Ia terkandung di dalam kurikulum PSV sebagai terma yang mewakili asas seni reka iaitu unsur seni dan prinsip rekaan. Bahasa seni visual ini merangkumi unsur seni dan prinsip rekaan dimana unsur seni terdiri daripada garisan, warna, rupa, bentuk, ruang dan jalinan manakala prinsip rekaan merangkumi perkara-perkara seperti penegasan, irama dan pergerakan, kontra, harmoni, keseimbangan dan sebagainya. Bahasa seni visual ini mewakili unsur-unsur formal yang terdapat dalam karya.



Sohn (2004), Bell dan Shapiro (1977) dan Greenberg (1977) menjelaskan teori formalisme turut dikenali sebagai teori organistik atau objektivisme. Teori ini adalah berdasarkan kualiti formal iaitu unsur-unsur seni dan juga prinsip rekaan yang mana setiap komposisinya saling berkaitan. Berdasarkan teori formalisme, penghayatan seni tidak bergantung kepada pengalaman lepas sebaliknya apa yang dapat dilihat dalam karya.

Tafsiran karya berdasarkan teori ini lebih mementingkan apa yang digambarkan bukan apa yang sepatutnya diwakili oleh gambaran tersebut. Mereka juga menambah, berdasarkan kepada sarjanawan seni yang terdahulu, teori formalisme adalah berkenaan dengan "bentuk" yang ketara merujuk kepada organisasi tertentu elemen seni visual.





Kualiti intrinsik estetik objek adalah terpisah daripada peribadi, fungsi, sosial, dan juga aspek-aspek yang lain (Sohn, 2004; Bell & Shapiro, 1977; Greenberg, 1977).

Walau bagaimanapun, Safrizal Shahir (2011), beranggapan formalisme adalah satu ideologi dan kaedah yang telah dipengaruhi oleh bidang sains secara nyata. Oleh kerana itu, dalam konteks disiplin ilmu barat formalisme dapat dilihat seiring dalam kelompok seni dan sains. Menjelaskan lagi, menurut Safrizal Shahir, konteks aplikasi formalisme adalah satu kaedah yang mapan dalam mengkonstruk dan mengkritik seni.

1.9.4 Model Feldman (1970)




Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, model Feldman telah digunakan dalam seni formalisme sejak dari tahun 1940an sehingga 1960an (Feldman, 1967; Prater, 2002; Tekiner, 2006; Iwan Zahar, 2014). Namun begitu, menurut Iwan Zahar (2014), walaupun di Malaysia mempunyai pelbagai jenis seni, termasuk seni kraf untuk tujuan agama, tetapi masih tetap menggunakan model Feldman.

Hal ini kerana model Feldman memberikan proses yang logik dan berurutan untuk membuat apresiasi seni. Hal ini ditegaskan oleh Seabolt (1997), bahawa model Feldman dilengkapi rangka kerja yang sempurna. Modelnya yang ringkas dan tersusun amat membantu pelajar yang tidak mahir dalam membuat apresiasi dan berbicara tentang karya seni.



Berikut disertakan model Feldman beserta penjelasan setiap peringkat yang terdapat dalam model tersebut. Rajah 1.2 menunjukkan model Feldman yang telah diperkenalkan pada tahun 1970. Gambaran yang diberikan ini adalah adaptasi dalam bentuk gambar rajah oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini.



Rajah 1.2. Model Feldman

Model Feldman mempunyai empat langkah, iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan.

i) Langkah 1: Deskripsi

Peringkat deskripsi ini memerlukan seseorang penghayat seni mengenalpasti aspek-aspek fizikal sesebuah karya. Aspek-aspek fizikal ini meliputi pengolahan formal dan mengenal pasti imejan. Pengolahan formal adalah berkaitan penggunaan bahasa seni visual. Selain itu penghayat perlu mengumpul data-data asas atau data-data visual

karya dan fakta-fakta pengkarya seperti biodata, tajuk, medium, dan tarikh: jelasnya, menyediakan suatu inventori akan perkara-perkara utama itu.

Pada peringkat ini, penghayat seni dikehendaki menganalisis secara tersurat sesebuah karya. Fakta-fakta visual perlu dijelaskan yang meliputi perkara-perkara seperti pengolahan komposisi, bahasa seni visual dan proses serta teknik. Unsur seni seperti garisan, jalinan, rupa, warna, dan ruang serta prinsip-prinsip rekaan dikaitkan dengan proses dan teknik penghasilan. Kesemua ini dikaitkan dengan pengolahan idea dan perasaan serta aliran dan gaya. Penghayat juga dapat mengenal pasti hal benda, bentuk dan isi kandungan karya.

Feldman menekankan pandangan yang neutral dari pemerhati karya seni pada langkah deskripsi. Penggunaan perkataan yang boleh menunjukkan ekspresi atau yang mendedahkan perasaan sendiri adalah dielakkan pada peringkat ini. Secara ringkasnya, peringkat deskripsi hanya mengenal pasti subjek dalam karya, elemen-elemen dan prinsip-prinsip rekaan seni dan kualiti teknikal serta aliran dan gaya.

ii) Langkah 2: Analisis

Peringkat analisis adalah sangat bergantung pada pengetahuan penghayat seni tentang elemen seni dan prinsip rekaan yang mana mereka perlu untuk mengartikulasikan dengan gaya pengetahuan maklumat yang mereka lihat dalam sebuah karya seni (Mina Hedayat, 2013). Pada peringkat analisis, proses yang perlu dilaksanakan menggambarkan hubungan antara elemen seni dengan perkara yang digambarkan dalam karya.



Analisis formal diperlukan bagi mengetahui hubungan setiap elemen seni yang digambarkan dalam karya. Ia melihat bagaimana elemen seni ini mempengaruhi atau saling memberi kesan antara satu sama lain. Berdasarkan Feldman (1970), antara analisis yang dicadangkan adalah melihat hubungan saiz, bentuk, warna yang digambarkan, jalinan serta ruang.

iii) Langkah 3: Interpretasi

Membuat interpretasi menceritakan mesej yang cuba disampaikan di sebalik karya. Feldman (1970) menegaskan proses mentafsir merupakan peringkat yang paling susah. Bagaimanapun, beliau juga mengelaskan proses ini sebagai ganjaran yang paling kreatif. Mentafsir atau interpretasi menceritakan mesej yang cuba disampaikan di sebalik karya. Proses ini memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap karya. Secara kesimpulannya, mentafsir digunakan untuk menerangkan maksud tersirat hasil kerja seni.

iv) Langkah 4: Pertimbangan

Membuat pertimbangan terhadap karya seni adalah langkah yang mana pandangan secara kritis diberikan untuk menilai sesebuah karya. Justifikasi diperlukan untuk setiap pandangan yang dilontarkan. Feldman (1970), telah menggariskan tiga falsafah seni yang boleh diperdebatkan untuk menilai karya. Pertimbangan karya boleh dibuat secara *formalism*, *expressivism* dan *instrumentalism*.





1.10 Skop Kajian

Kajian ini akan berfokus pada penguasaan pengetahuan dan kemahiran bidang apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah menengah. Partisipan kajian adalah guru PSV peringkat menengah rendah. Hal ini adalah kerana pengkaji tidak digalakkan dan telah diingatkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), juga pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) malahan pihak pentadbir sekolah yang terlibat untuk tidak melibatkan guru tingkatan atau guru PSV yang menghadapi peperiksaan awam yang besar seperti PT3 dan SPM.

Lokasi kajian adalah di lima buah sekolah menengah kebangsaan dalam negeri Selangor. Pemilihan ini diharap dapat membantu pergerakan, tempoh masa diambil, kos dan kalangan budaya serta latar belakang masyarakat sekitar yang dikenali bagi memudahkan komunikasi. Limitasi turut dibuat terhadap pemilihan lima partisipan kajian dalam kaedah persampelan bertujuan.

Levy dan Hollan (1998), membezakan partisipan sebagai orang yang menggambarkan budaya mereka manakala responden adalah yang membincangkan ciri-ciri, kepercayaan, pengalaman, dan tingkah laku. Pengkaji menggunakan maklumat yang dipelajari dari partisipan untuk mengetahui bagaimana sesuatu perkara dengan lebih jelas (Dalam Harrell & Bradley, 2009).



Partisipan kajian yang dipilih adalah dari golongan yang dapat membekalkan maklumat yang diperlukan pengkaji seperti yang ditegaskan oleh Creswell dan Cherly (2018) iaitu penting untuk memperoleh partisipan yang akan bersedia untuk terbuka dan jujur dalam berkongsi maklumat atau cerita mereka.

1.11 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa pihak yang boleh disenaraikan untuk menjadikan kajian ini berkepentingan buat rujukan mereka dalam menjayakan Kurikulum PSV sekolah menengah. Semoga dapatan kajian ini berupaya membekalkan maklumat yang menggambarkan pengetahuan sebenar guru PSV sekolah menengah tentang bidang apresiasi seni dan pelaksanaan pengajaran bidang tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ketinggian ataupun kekurangan ilmu pengetahuan guru-guru PSV sekolah menengah dalam bidang apresiasi ini membolehkan pihak Kementerian mengambil tindakan susulan yang sesuai seperti memilih guru-guru yang berkeelayakan dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang seni khususnya apresiasi seni.

1.11.1 Bahagian Perkembangan Kurikulum

Bahagian Perkembangan Kurikulum khususnya, diharapkan kajian ini dapat membantu dalam aspek memberikan maklumat untuk menilai pelaksanaan kurikulum yang berkaitan sama ada menepati harapan negara terhadap keberhasilan pelajar selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Selain itu, kajian ini berkepentingan dalam menyalurkan maklumat kepada pihak terbabit untuk menambah baik kurikulum yang sedia ada seperti memberikan pendedahan tentang model atau pendekatan apresiasi seni di sekolah. Selain itu, diharapkan pihak ini dapat menganjurkan kursus serta bicara ilmiah dari aspek pengetahuan dan kepentingan penguasaan apresiasi seni dalam kalangan guru PSV dan juga masyarakat.

Dalam usaha untuk membolehkan pengajaran apresiasi dilaksanakan secara berkesan, dan mempunyai standard yang sama serta bersesuaian dengan kehendak Kurikulum PSV yang dibekalkan, pihak KPM perlu menggembelng tenaga Jurulatih Utama (JU) untuk menyetarakan standard pengajaran apresiasi seni di sekolah-sekolah. Selain itu, diharapkan JU dapat mendedahkan model atau pendekatan yang digunakan dalam pengajaran apresiasi seni kepada guru PSV.

Semoga maklumat yang disampaikan oleh kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat mencari pendekatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi bagi bidang apresiasi seni dalam kalangan guru PSV di sekolah menengah.

1.11.2 Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah

Kekuatan dan kelemahan guru dalam mengajar apresiasi seni boleh dijadikan justifikasi untuk Jabatan Pendidikan Negeri mahupun Daerah merancang dan menganjurkan kursus ataupun bengkel untuk meningkatkan kemahiran guru-guru PSV dalam mengajar apresiasi seni. Pihak-pihak ini perlu mengenalpasti golongan sasaran yang



boleh dipertimbangkan dalam memastikan penyebaran maklumat kursus atau bengkel yang dianjurkan berkaitan bidang apresiasi seni tercapai. Contohnya seperti melatih dan melantik Ketua Bidang PSV sebagai agen penyebar maklumat berkaitan bidang apresiasi seni kepada semua guru PSV di sekolah.

1.11.3 Pihak Sekolah

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam membekalkan maklumat berkaitan pedagogi PSV dan keselarian pengajaran apresiasi seni dalam kalangan guru PSV yang ditadbir mereka. Semoga dengan adanya kajian ini, pihak sekolah lebih peka dalam menyusun atur pembahagian subjek pengajaran PSV kepada guru yang lebih berpengetahuan dalam bidang berkenaan.



1.11.4 Guru Pendidikan Seni Visual

Maklumat berkaitan kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) khusus kepada bidang apresiasi seni guru PSV di sekolah menengah dalam pelaksanaan pengajaran bidang tersebut. Selain itu, semoga kajian ini berjaya mendedahkan kepentingan pelaksanaan apresiasi seni dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual.



1.11.5 Pelajar

Menerusi peningkatan penguasaan PPIK, apresiasi seni dalam kalangan guru PSV sekolah menengah dapat memberi impak yang baik terhadap pengetahuan dan kemahiran apresiasi seni dalam kalangan pelajar. Segala ilmu yang diperoleh pelajar ini dapat membantu mereka dalam menghargai dan menilai karya.

1.12 Kesimpulan

Secara ringkasnya, bab satu adalah pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Bab ini telah memperjelaskan segala perkara berkaitan objektif kajian, tujuan kajian dan persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, gambaran kerangka konseptual kajian dan juga memberikan definisi istilah berkaitan kajian yang dijalankan. Kesemua penjelasan yang diberikan membawa kepada perbincangan di dalam bab-bab seterusnya.